

Di Sekitar Jamiyat al-Dakwah al-Islamiyyah Selangor

Baru-baru ini majalah Qalam telah menerima satu laporan ringkas mengenai kegiatan-kegiatan yang sedang dilaksanakan oleh “Jawatankuasa al-Jamiyat al-Dakwah al-Islamiyyah” cawangan Jeram – Kuala Selangor – untuk melicinkan perjuangannya di lapangan “dakwah Islamiyyah”.

Memandang kepada pentingnya perkara ini diketahui oleh masyarakat Islam di dalam negeri Selangor dan lain-lain negeri di seluruh Malaysia dengan rasa bangga majalah Qalam membukakan ruangan khasnya sebanyak dua muka untuk menyiaran laporan tersebut untuk tatapan umum.

Kepada lain-lain “badan Islam” di seluruh pelosok tanah air juga kita membukakan peluang ini bagi menyiaran laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan-Pengarang.

Laporan disusun oleh: Muhammad Amin Haji Abd al-Aziz

Jawatankuasa Perhubungan Dibentuk:

Pada 22 haribulan 1969 yang lalu telah diadakan perjumpaan ramai untuk satu ((Jawatankuasa Perhubungan Jamiyat al-Dakwah al-Islamiyyah)) cawangan Selangor Selatan. Kira-kira sebilangan 50 orang penduduk-penduduk di situ telah menghadiri perjumpaan tersebut. Diantaranya 22 orang telah mendaftarkan nama mereka untuk menjadi ahli ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah Selangor)).

Sementara itu pusat ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) di Kuala Lumpur telah menghantarkan seorang wakil untuk memberi penerangan secara *detail* mengenai dasar perjuangan umum ((Jamiyyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) di majlis tersebut.

Jamiyah bukan pertubuhan Islam Anjuran PAS:

Dr. Indus Raden Sufian – sebagai wakil dari pihak Badan Penerangan ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah Pusat)) telah memberikan kata-kata sambutan yang bersemangat kepada para hadirin; antara lain beliau berkata:



Ustaz Muhammad Amin bin Haji

Abdul Aziz Pembantu Guru Besar

“Taman Asuhan Putera-Puteri” Jeram

Kuala Selangor.

((Sebenarnya ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah))

ini bukanlah merupakan satu badan politik

sebagaimana yang disangkakan oleh setengah golongan

yang mengatakan, bahawa ((Jamiyah)) ini adalah sebuah

pertubuhan Islam yang dianjurkan oleh ((Parti

Islam Setanah Melayu)) yang lebih terkenal dengan nama

Di Sekitar Jam'iyyah

((PAS)). Ini adalah sangkaan yang merupakan satu tuduhan yang tidak benar, dan tidak berasas. Kerana tokoh-tokoh Islam yang memimpin ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) ini tidaklah terdiri dari pemimpin-pemimpin ((PAS)); seperti Yang Mulia Syed Nasir bin Ismail sebagai Yang Dipertua Jamiyah ini...))

Dengan keterangan ringkas yang telah diberikan oleh

Tuan Dr. Indus Raden Sufian itu, jelaslah kepada kita bahawa ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) adalah sebuah badan Islam yang berdiri dengan sendirinya, demi untuk memperjuangkan kepentingan-kepentingan Islam dan seluruh masyarakat Islam di negeri ini, ia tidak ada kena-mengena dengan mana-mana parti politik di negeri ini walau apa corak dan bentuknya sekalipun



Ustaz Shahir bin Sulaiman Guru

Besar “Taman Asuhan Putera-Puteri Islam” Jeram, Kuala Selangor.

Pengerusi dan Setiausaha:

Dalam perjumpaan tersebut ahli-ahli yang hadir telah bersetuju melantik sebuah ((Jawatankuasa Kecil Perhubungan Jamiyah)) bagi daerah Kuala Selangor Selatan yang berpusat di pekan Jeram. Meraka-mereka yang telah dilantik itu ialah:

1. Pengerusi: Cikgu Alang Hassan bin Long
2. Setiausaha Perhubungan: Ustaz Muhammad Amin Haji Abdul Aziz.

3 Orang Ahli Jawatankuasa Kecil:

1. Cikgu Zainal.
2. Ustaz Ismail Ibrahim.
3. Ustaz Ihsan Habaqi.

Majlis Ceramah:

Pada 30 haribulan March 1969 yang lalu, Jawatankuasa Perhubungan ((Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) – daerah Kuala Selangor Selatan – telah mengadakan satu ((majlis ceramah)) bertempat di Dewan Masyarakat Jeram. Hampir-hampir 200 orang yang telah datang menghadiri ((majlis ceramah)) tersebut, walaupun keadaan cuaca kurang baik, hujan turun dengan lebat, namun begitu majlis ceramah itu terus dapat dijalankan dengan begitu rancak dan meriah

Yang Mulia Tuan Syed Nasir bin Ismail – sebagai Yang Dipertua – dan beberapa orang daripada anggota badan ((al-Jamiyah al-Dakwah al-Islamiyyah)) Selangor telah juga turut hadir dalam ((majlis ceramah)) tersebut di antara mereka yang memberikan ceramahnya ialah:

1. Yang Mulia Tuan Syed Nasir bin Ismail
2. Tuan Dr. Indus Raden Sufian.

Majlis Ceramah itu telah dipengerusikan oleh ustaz Usman bin Haji Syafie.